

Membudayakan bidang bioteknologi

Menjelang 2020 Malaysia dijangka wujud 100 syarikat bertaraf global



**Meniti
Arus**

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

U SAHA kerajaan meneroka bidang bioteknologi sebagai satu sumber baru pertumbuhan ekonomi nampaknya mula menunjukkan tanda awal kejayaan. Ini jelas dilihat daripada penyer-taan pada Konvensyen dan Pameran Bio Malaysia 2006 yang sedang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Acara tahunan selama tiga hari itu yang berjaya menarik 3,000 pengunjung perdagangan, 100 perwakilan dan 100 peserta pameran berakhir hari ini.

Di samping peserta rasmi, persidangan dan pameran itu juga diberitakan menarik perhatian orang ramai yang berkunjung ke pusat konvensyen itu bukan saja untuk menyaksikan pameran tetapi mencari maklumat berhubung bioteknologi.

Ramai pelajar tidak melepaskan peluang meninjau prospek dan peluang pekerjaan yang disediakan dalam bidang yang masih baru di negara ini berbanding negara lain terutama negara maju.

Senario ini sungguh berbeza dengan apa yang berlaku beberapa tahun dulu apabila kerajaan mula menguar-uarkan hasrat membangunkan industri ini.

Oleh kerana bidang ini masih baru, ketika itu banyak pihak melemparkan suara sinis kononnya Malaysia hanya memasangkan angan-angan kosong. Pelbagai hujah dan alasan diberikan untuk menumpulkan semangat pelopor dan pendukung idea itu termasuk Malaysia tidak mempunyai kepakaran dalam bidang ini dan langkah itu sudah dianggap terlambat kerana negara lain sudah jauh melangkah ke hadapan.

Bagaimanapun, komitmen tinggi yang ditunjukkan kerajaan dan sokongan industri serta keyakinan sebahagian besar rakyat

nyata tidak sia-sia.

Tanpa menghiraukan pandangan negatif ini, pada April tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Dasar Bioteknologi Kebangsaan (NBP) yang antara lain menggariskan usaha pembangunan bioteknologi secara berperingkat sehingga 2020, terutama dalam tiga bidang yang menjadi fokus utama, iaitu pertanian, penjagaan kesihatan dan industri. Hari ini nyata segala yang dirancang itu berjalan mengikut jadual.

Jika tiada halangan besar, menjelang 2020 apabila Malaysia dijadualkan mencapai status negara maju mengikut acuannya sendiri, negara ini dijangka dapat mewujudkan 100 syarikat bioteknologi bertaraf global yang dapat menguasai pasaran bioteknologi mengatasi syarikat dari India dan China.

Namun begitu, Perdana Menteri nyata belum berpuas hati dengan perkembangan yang dicapai setakat ini.

Ketika berucap merasmikan konvensyen dan pameran itu kelmarin, Datuk Seri Abdullah mahukan semua pihak terutama jentera kerajaan terus bekerja keras serta bergerak pantas merealisasikan matlamat yang disasarkan dalam Dasar Bioteknologi Kebangsaan.

Katanya sasaran itu mampu dicapai jika semua yang terbabit tekun dan sabar mengharungi cabaran serta halangan, walaupun Malaysia masih pada peringkat awal membangunkan industri berkenaan.

Beliau yakin dengan keupayaan yang sedia ada dan kapasiti yang terus ditingkatkan termasuk dalam aspek modal insan, negara mampu dan berpotensi mencatat kecemerlangan yang dirancang.

Antara usaha peningkatan bina upaya yang dilakukan kerajaan ialah peruntukan berjumlah RM2 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pembangunan industri bidang bioteknologi dan sains hayat.

Dana Modal Sains Hayat Malaysia yang

berjumlah AS\$150 juta yang diperuntukkan tahun ini sudah bersiap sedia untuk mengenali pasti dan melahirkan syarikat bioteknologi tempatan yang berpotensi.

Insentif lain ialah penganugerahan status BioNexus kepada syarikat yang layak menerima insentif cukai khas dan pelbagai bantuan lain.

Sehingga ini lima buah syarikat diberi status berkenaan sebagai kumpulan pertama. Syarikat berkenaan ialah Malaysian Bio Diagnostic Research Sdn Bhd, KL Biotech Manufacturing Sdn Bhd, Vivantis Technologies Sdn Bhd, The Asiatic Centre for Genome Technology Sdn Bhd dan Innobiologics Sdn Bhd.

Satu-satunya kemajuan cukup ketara yang dicapai sehingga kini dalam industri berasaskan bioteknologi negara ialah pengeluaran biodiesel.

Menurut laporan media, negara dijangka mengeluarkan sejuta tan biodiesel, sebahagiannya untuk pasaran eksport, menjelang akhir tahun depan. Produk itu akan dikeluarkan oleh lima kilang tempatan memulakan operasi pengeluaran mereka.

Produk biodiesel tempatan dijangka dieksport ke Eropah, China, Jepun, Korea dan Australia. Potensi eksport untuk biodiesel keluaran tempatan cukup besar berdasarkan kepada permintaan yang semakin meningkat terutama di negara Kesatuan Eropah (EU).

Ini berikutan peraturan ditetapkan EU baru-baru ini yang mensyaratkan setiap liter diesel yang digunakan di negara berkenaan perlu mengandungi sekurang-kurangnya 5.7 peratus biofeul.

Walaupun masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai cita-cita negara membangunkan sepenuhnya potensi dalam bidang bioteknologi, Malaysia tidak perlu terlalu bimbang dengan saingan negara lain seperti China, Jepun, Taiwan, Singapura atau India dengan syarat sokongan industri berterusan dan keyakinan rakyat dapat dikekalkan.

Malaysia mempunyai kelebihan tertentu,

terutama dari segi kewujudan sumber semula jadi dan kepelbagaian bio yang boleh dijadikan bahan mentah bagi pengeluaran produk bioteknologi. Sumber ini tidak dimiliki negara pesaing lain.

Sebagai contoh Malaysia adalah antara 10 negara yang mempunyai pelbagai flora dan fauna serta ladang kelapa sawit yang luas yang tiada di China, Jepun, Taiwan, Singapura atau India.

Walaupun India kini menjalankan kajian serius untuk menanam sejenis tumbuhan *Jethroph* sebagai bahan untuk pengeluaran bio, pengeluaran bahan berkenaan secara komersial mungkin memakan masa lama.

Di samping itu, fokus Malaysia dalam industri bioteknologi yang sudah dikenal pasti juga berbeza dengan fokus negara berkenaan. Sementara Malaysia memberikan tumpuan dalam bidang pertanian, penjagaan kesihatan dan industri, China memberi tumpuan terhadap bidang genomik tumbuhan serta kejuruteraan genetik dalam perubatan dan ubat pelalian. Fokus Jepun pula dalam bioteknologi lanjutan, genome dan penyelidikan stem-cell.

Jelaslah Malaysia mempunyai kedudukan yang agak selesa dalam hal ini. Apa yang perlu dilakukan seterusnya ialah meningkatkan lagi usaha *brain gain* untuk menggalakkan lebih ramai saintis Malaysia yang berada di seberang laut pulang berkhidmat dalam negara di samping memupuk minat orang ramai, terutama kanak-kanak dan pelajar di institusi pengajian tinggi, terhadap bidang ini.

Dengan kata lain, bioteknologi harus dibudayakan di kalangan rakyat agar mereka tidak lagi menganggap bidang ini sebagai sesuatu yang baru dan asing, sebaliknya, ia punca rezeki yang menjanjikan pendapatan lumayan dan kehidupan lebih selesa.

Penulis ialah bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara